

10 MAY 1999
Mahathir-Belia
PM JUMPA PEMIMPIN PERTUBUHAN BELIA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin pertubuhan belia bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu semasa negara.

Pertemuan anjuran Kementerian Belia dan Sukan itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Lebih 100 pemimpin dari beberapa pertubuhan belia termasuk Majlis Belia Malaysia (MBM) menghadiri perjumpaan secara tertutup itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurut seorang pegawai kementerian berkenaan, antara isu semasa yang dijangka dibincangkan ialah usaha kerajaan memulihkan ekonomi serta situasi politik negara.

Baru-baru ini, Muhyiddin dilaporkan berkata kementerian itu akan meneruskan program "Bela Negara" dalam usaha membangkitkan semangat patriotisme di kalangan pemimpin generasi muda untuk bersama-sama membantu negara mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu melihat orang mengambil kesempatan untuk menggunakan generasi muda dengan membakar semangat mereka menentang kerajaan dan menimbulkan perpecahan.

Menerusi program itu, para belia digesa melibatkan diri melalui aktiviti kempen kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap negara, kempen berjimat cermat, kempen beli barangan Malaysia, kempen melancong dalam negara, kempen cintai ringgit Malaysia dan kempen menabung.

-- BERNAMA
ES NMO